

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 MARCH 2017

JKDM sedia dikorporatkan - PM

Um - 14/3/2017

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 13 MAC

JABATAN Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan dikorporatkan tidak lama lagi dengan inisiatif skim perkhidmatan yang lebih baik untuk kakitangannya.

Perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dalam ucapannya pada majlis makan malam penghargaan JKDM di sini malam ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, keputusan tersebut diambil berikutan kecemerlangan anggota JKDM dalam menjalankan tanggungjawab memungut cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada 1 April 2014.

“Selama ini, keputusan itu tertangguh kerana memberi tumpuan kepada pelaksanaan GST. Tetapi memandangkan kecemerlangan anggota kai maka kita korporatkan JKDM dengan beri skim perkhidmatan lebih baik.

“Ini hadiah terbaik untuk JKDM kerana menjadi warga yang setia kepada kerajaan,” katanya.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Timbalannya, Datuk Lee Chee Leong dan Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Khazali Ahmad.

Sementara itu, Najib memberitahu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan GST kerana sistem percukaian tersebut telah membentuk satu perubahan struktur percukaian negara yang progresif dan telus.



NAJIB TUN RAZAK semasa menghadiri Majlis Penghargaan Kastam bersama Perdana Menteri di Dewan Seri Endon, Pusanitapuri, Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Johari Abdul Ghani (duduk, dua dari kiri), Lee Chee Leong (kiri) dan Khazali Ahmad (dua dari kanan). - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Kutipan cukai JKDM

2015	2016
RM35.1b	RM57b
	*b - billion

Menurut beliau, GST telah menyelamatkan ekonomi negara dan rakyat terutama daripada segi defisit dan nilai mata wang serta perkara itu dipersetujui oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

“Gabenor BNM, Datuk Muhammad Ibrahim memaklumkan

jika Malaysia tiada GST, akan ada dua perkara yang berlaku iaitu defisit 3.1 peratus mungkin akan melonjak kepada enam atau tujuh peratus.

“Kedua, nilai mata wang akan merudum kepada bukannya RM4.45 (ketika ini) berbanding dolar Amerika sebaliknya mungkin RM6 hingga RM7.

“Ini kerana rating kita akan menjadi lebih buruk oleh badan penarafan antarabangsa, kerana pendapatan kita tidak cukup untuk menampung pentadbiran dan

pembangunan negara,” katanya.

Perdana Menteri menambah, itu adalah senario paling buruk yang telah dapat kerajaan dan JKDM elakkan melalui pelaksanaan GST yang akan memasuki tahun kedua pelaksanaannya pada 1 April ini.

“Inilah cerita kisah sebenar GST, jangan ada mana-mana pihak yang cuba momokkan ia. Ini keputusan yang meletakkan asas kelangsungan negara kepada landasan yang lebih kukuh,” katanya.